

23 NOV 1998

Ling-Internet/I

PARTI POLITIK MASIH PERLU TURUN KE PADANG

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Parti-parti politik masih perlu turun ke padang untuk menyampaikan mesej mereka kepada rakyat semasa pilihan raya umum yang akan datang walaupun Internet dijangka digunakan secara meluas, kata presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

"Saya berpendapat bahawa setiap pertubuhan, termasuk parti politik, harus mempunyai laman web masing-masing. Ia bukan menjadi instrumen tunggal yang digunakan kerana pendekatan biasa iaitu bertemu dengan rakyat masih terbukti cara yang paling berkesan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Motor Antarabangsa Malaysia '98 di sini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Barisan Nasional tidak menolak kemungkinan menggunakan Internet dalam kempen mereka pada pilihan raya umum akan datang.

Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan, berkata tidak semua rakyat negara ini mempunyai kemudahan komputer peribadi atau akses kepada Internet.

"Kita masih perlu pergi ke pasar dan berjumpa dengan orang ramai serta mengadakan ceramah," katanya.

Sementara itu, Gerakan menyambut baik cadangan Dr Mahathir bahawa BN memaksimumkan kemudahan teknologi maklumat dan Internet dalam menyebarkan pandangan mereka kepada orang ramai.

"Walaupun sistem itu telah wujud, ia perlu dipertingkatkan dan diperkemaskinikan agar lebih menarik," kata anggota jawatankuasa kerja pusat parti itu, Dr S. Vijayarajam dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata parti-parti pembangkang dan kumpulan yang berkepentingan sedar mengenai pentingnya Internet dan telah memaksimumkan kemudahan itu untuk mengutarakan ideologi dan pendirian mereka berhubung isu-isu tertentu.

-- BERNAMA

RV AKD